



اَوْنُوْزِيسِيْتِي تِيكْنُوْلُوْجِي مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# **GARIS PANDUAN**

## **GERAN INSENTIF PENYELIAAN (GIP)**

### **(PINDAAN TAHUN 2020)**

**Unit Perolehan Geran (UPG)**  
**Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)**  
Universiti Teknologi MARA  
Aras 3, Bangunan Wawasan  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia  
Tel : (+603) 5544 2097/3240/8255/8259  
Faks : (+603) 5544 8280

## SENARAI KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>M/S</b>
Falsafah, Visi Dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
<b>GERAN PENYELIDIKAN GERAN INSENTIF PENYELIAAN (GIP)</b>	
1.0 Pengenalan	4
2.0 Jumlah Peruntukan dan Jangka Masa Projek	4
3.0 Syarat-Syarat Permohonan	4
4.0 Peraturan Kewangan	5
5.0 Peraturan Permohonan	5
6.0 Penilaian Geran	6
7.0 Pemantauan Penyelidikan	6
8.0 Etika dan Kerahsiaan	6
9.0 Hasil Pencapaian Penyelidikan	6

**VISI DAN MISI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**FALSAFAH**

*Every individual has the ability to attain excellence through the transfer of knowledge and assimilation of moral values so as to become professional graduates capable of developing knowledge, self, society and nation*

**VISI**

*To establish UiTM as a Globally Renowned University of Science, Technology, Humanities and Entrepreneurship*

**MISI**

*To lead the development of agile, profesional bumiputeras through state-of-the-art curricula and impactful research*

# GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## GERAN INSENTIF PENYELIAAN (GIP)

### 1.0 PENGENALAN

- 1.1. Geran Insentif Penyeliaan (GIP) diwujudkan untuk membantu pelajar pascasiswazah (mod penyelidikan) dengan menyediakan bantuan kewangan untuk elaun dan keperluan penyelidikan dalam tempoh pengajian bagi menyemarakkan pengajian pascasiswazah di Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- 1.2. Tujuan geran ini adalah untuk membangunkan sumber manusia serta memberi kesan kepada masyarakat melalui aktiviti penyelidikan. Ia melengkapi usaha-usaha yang diperkenalkan oleh UiTM untuk meningkatkan prestasi penyelidikan UiTM.

### 2.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK

- 2.1. Jumlah peruntukan maksimum projek adalah seperti berikut:
  - i. Kedoktoran : Tidak melebihi RM25,000.00
  - ii. Sarjana : Tidak melebihi RM20,000.00
- 2.2. Tempoh peruntukan adalah dua belas (12) bulan bagi setiap permohonan tertakluk kepada kajian semula selepas enam (6) bulan pertama kelulusan peruntukan.

### 3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada staf akademik UiTM dengan syarat-syarat berikut:

- 3.1. Ketua Penyelidik mestilah ahli akademik tetap/kontrak di UiTM Selangor.
- 3.2. Ketua Penyelidik mestilah merupakan Penyelia Utama kepada pelajar pascasiswazah (mod penyelidikan).
- 3.3. Merupakan penyelia kepada pelajar pascasiswazah seperti berikut:
  - i. Pelajar merupakan warganegara Malaysia.
  - ii. Pelajar **telah mendaftarkan diri** sebagai pelajar sepenuh masa dibawah mod penyelidikan program kedoktoran atau sarjana.
  - iii. Menyertakan surat pengesahan pendaftaran pengajian yang dikeluarkan oleh fakulti/PTJ masing-masing yang mengandungi maklumat penyeliaan.
  - iv. Tidak menerima sebarang biasiswa atau bantuan kewangan daripada mana-mana organisasi untuk membiayai pengajian.

- 3.4. Sekiranya pelajar mendapat tawaran pembiayaan daripada mana-mana pihak semasa dalam tempoh penawaran ini, secara automatik lantikan sebagai pembantu penyelidik adalah terbatal.
- 3.5. Staf akademik yang cuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik.
- 3.6. Ketua Penyelidik mestilah menyumbang minima RM20.00. sebulan kepada Tabung Amanah Penyelidikan & Inovasi Universiti (TAPIU) sepanjang tempoh geran aktif dan bukti sumbangan mesti disertakan semasa permohonan.

#### 4.0 PERATURAN KEWANGAN

- 4.1. Perbelanjaan projek adalah dihadkan bagi vot-vot berikut:

Vot11000	Bayaran untuk Pembantu Penyelidik Pascasiswazah (GRA)
Vot29000	Perkhidmatan Ikhtisas

- 4.2. Bayaran Pembantu Penyelidik Pascasiswazah (GRA) tidak melebihi RM1,500 bagi pelajar sarjana dan RM1,800 bagi pelajar kedoktoran untuk sebulan. Peruntukan untuk pembayaran Pembantu Penyelidik (GRA/RA) mestilah dimasukkan di dalam Vot11000 dengan jumlah maksimum RM18,000 bagi pelajar sarjana dan RM21,600 bagi pelajar kedoktoran untuk setahun.
- 4.3. Kegagalan memenuhi perkara 4.2 boleh menyebabkan geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 4.4. Pembantu penyelidik yang menerima biasiswa penuh (termasuk elaun sara hidup) adalah tidak layak untuk dilantik di bawah skim ini.
- 4.5. Permohonan pembantu penyelidik (GRA) perlu dibuat melalui atas talian sistem iRMIs (<http://orchid.uitm.edu.my/irmis>).

#### 5.0 PERATURAN PERMOHONAN

- 5.1. Permohonan GIP perlu menggunakan borang permohonan yang terkini melalui sistem atas talian di iPRO2u. (<https://ipro2u.uitm.edu.my/>).
- 5.2. Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh GIP dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

## **6.0 PENILAIAN GERAN**

- 6.1. Permohonan GIP akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Pejabat TNCPI.
- 6.2. Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh Pejabat TNCPI kepada Ketua Penyelidik dan Ketua Jabatan.
- 6.3. Ketua Penyelidik perlu menandatangani borang penerimaan yang telah dilengkapkan sebelum memulakan penyelidikan.

## **7.0 ETIKA DAN KERAHSIAAN**

Semua penyelidik mestilah mematuhi etika penyelidikan dan kerahsiaan data.

## **8.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN**

- 8.1. Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Pejabat TNCPI.
- 8.2. Ketua penyelidik mesti menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan secara atas talian di dalam sistem iRMIs.
- 8.3. Kegagalan memenuhi perkara 8.2 boleh menyebabkan geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 8.4. Pihak Pejabat TNCPI akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik.
- 8.5. Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan Pejabat TNCPI.

## **9.0 HASIL PENCAPAIAN PENYELIDIKAN**

- 9.1 Penyelidik mesti menerbitkan satu (1) penerbitan berindeks SCOPUS / WoS.
- 9.2 Penghargaan kepada Geran GIP mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.